

## **AYAM SEBAGAI RUJUKAN MAKNA INKUISITIF BERHATI-HATI, SIA-SIA DAN KHIANAT DALAM PERIBAHASA MELAYU**

### ***CHICKEN AS INQUISITIVE MEANING REFERENCE FOR CAREFULNESS, USELESSNESS AND BETRAYAL IN MALAY PROVERBS***

**Muhammad Zaid Daud<sup>1\*</sup> and Mary Fatimah Subet<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Centre for Language Learning, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Melaka, MALAYSIA

<sup>2</sup>Faculty of Language and Communication, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, MALAYSIA

\*Corresponding author: zaid.daud@utem.edu.my

**To cite this article:** Muhammad Zaid Daud and Mary Fatimah Subet. 2022. Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia* 40(1): 179–213. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.9>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.9>

### **ABSTRACT**

*Malay proverbs which are sourced from chicken, are 90 in total. Various references of chicken have been created by the Malays to mirror the behaviours and actions of human beings implicitly. Each of the references can provide lessons, advices and reprimands in a gentle manner and can still be used up to today. The attributes of “careful”, “useless” and “betrayal” are among these references. In order to analyse the data of these proverbs, the research will use the Inquisitive Semantics Approach, besides the application of bridging cross reference (BCR) based on the corpus data obtained from Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) and Malay Concordance Project (MCP). Therefore, as the objective of this study, the researchers will explore the reasons why the Malay community choose the imagery of chicken. Each of these references will benefit the authentic data which are related to the cognition, culture and intellect of the Malay community in itself. This research employs fully qualitative approaches through documentary analysis that involves the Malay proverb data which have been recorded beforehand. The findings of these proverbs data are collected from Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima, Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua and Kamus Peribahasa*

*Melayu using the purposive sampling method. In conclusion, this study finds that the inquisitive semantics approach is capable of uncovering the Malay proverbs' meanings which are not confined only to literal and cognitive understandings but reflect also the height of intellect and philosophy of the Malays themselves.*

**Keywords:** inquisitive semantic, bridging cross reference (BCR), Malay mind, Malay proverb, animal, chicken

## ABSTRAK

*Keseluruhannya, peribahasa Melayu bersumberkan ayam adalah sebanyak 90 ungkapan. Pelbagai rujukan sifat ayam telah dijelaskan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu bagi mencerminkan sikap atau kelakuan manusia secara implisit. Setiap rujukan ini mampu memberikan pengajaran, nasihat dan teguran secara halus dalam kehidupan manusia dan dapat diguna pakai sehingga kini. Antara rujukan tersebut seperti sifat "berhati-hati", "sia-sia" dan "khianat". Bagi menganalisis data peribahasa ini, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif di samping mengaplikasikan pendekatan rangka rujuk silang (RRS) berpandukan data korpus yang diperoleh daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Malay Concordance Project (MCP). Sebagai objektif kajian, pengkaji akan meneroka sebab pemilihan imej perlambangan ayam sebagai rujukan berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam kalangan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Setiap rujukan ini akan memanfaatkan data autentik yang dikaitkan dengan semantik dan konteks, kognitif, budaya dan akal budi (keintelektualan) masyarakat Melayu itu sendiri. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya melalui analisis dokumen iaitu peribahasa Melayu yang telah dibukukan. Dapatkan data peribahasa ini diperoleh daripada Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima, Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua serta Kamus Peribahasa Melayu berdasarkan pensampelan bertujuan. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan semantik inkuisitif mampu merungkai penciptaan peribahasa Melayu bersumberkan ayam secara lebih berwibawa. Hal ini dikatakan demikian kerana penerokaan makna peribahasa ini tidak hanya terhad pada makna harfiah dan kognitifnya sahaja tetapi, mampu mencungkil ketinggian falsafah dan akal budi Melayu itu sendiri.*

**Kata kunci:** semantik inkuisitif, rangka rujuk silang, akal budi Melayu, peribahasa Melayu, haiwan, ayam

## PENGENALAN

Ayam atau nama saintifiknya *Gallus gallus domesticus* merupakan genus *Gallus*, subspesies alam haiwan iaitu *animalia*. Ayam diklasifikasi sebagai *taksonomi organisma multiseluler; eukariota heterotrofik* yang mengasimilasikan makanan di luar sel serta nutrisinya akan dicerna dan diserap ke dalam tubuh badan (Naladhipa 2017). Linnæus (1758) dalam Muhammad Zaid (2018b) pula menjelaskan ayam berada dalam *filum, kordata*. *Filum* merujuk sekumpulan haiwan yang merangkumi haiwan vertebrat (bertulang belakang) dan sebahagiannya, invertebrat (tidak bertulang belakang). Ayam juga tergolong dalam keluarga *Phasianidae* (unggas tanah/darat), *Aves* (unggas) dan *Order-Galliformes* (satu *order* unggas buruan atau belaan yang mencari makanan di daratan).

Ayam dalam budaya Melayu dapat dilihat melalui sejarah Melayu klasik. Imej ayam telah menjadi unsur simbolik dalam sejarah Brunei. Perkara ini telah tercatat dalam *Sejarah Brunei*. Berdasarkan sejarah Brunei, kerajaan Majapahit dari Jawa mempunyai hubungan dengan mereka. Sehubungan itu, pada akhir kurun ke-14 Masihi, Brunei menghadapi zaman kemalapan (miskin dan lemah). Tahun 1365 Masihi, Brunei berada di bawah kuasa Majapahit (Awang Asbol 2015). Proses Brunei mencapai kemerdekaan daripada kerajaan Majapahit adalah melalui perlawanan sabung ayam dengan mempertaruhkan negara masing-masing. Jika ditafsir daripada sudut sejarah, perlawanan sabung ayam ini dikatakan sebagai gambaran kepada kejayaan Brunei, dalam membebaskan diri mereka daripada penguasaan Majapahit pada ketika itu. Dalam perlawanan tersebut, kemenangan berpihak kepada Brunei yang telah mengalahkan ayam Ratu Majapahit. Oleh itu, Brunei telah bebas daripada kuasa Majapahit kerana ia merupakan salah satu syarat pertandingan tersebut. Setelah Brunei mencapai kemerdekaan, mereka telah berjaya memulihkan negara daripada kelemahan yang dialami sebelum ini. Pemulihan kini dapat dilihat melalui hubungan Brunei dengan China yang semakin rapat pada abad ke-15. Zaman kegemilangan Brunei terus meningkat semasa zaman pemerintahan Sultan Bolkiah (1485–1524) sehingga pada masa ini.

Berasosiasi dengan kejadian ini, terdapat juga teks Melayu yang menunjukkan ayam sangat dominan dalam kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Selain menternak ayam, mereka turut menjadikan ayam sebagai sukan dan permainan seperti sabung ayam (Salleh 2010). Oleh sebab itu, ayam turut dijadikan watak dalam cerita rakyat seperti cerita *Ayam dan Jarum Emas* dan cerita *Pak Kaduk* (Mary Fatimah dan Mohd Ridzuan 2019). Cerita *Pak Kaduk* turut mengaitkan aktiviti sabung ayam bagi mempertaruhkan kampungnya kepada raja. Cerita ini dikelaskan dalam skop cerita jenaka Melayu malahan, cerita Pak Kaduk ini turut dijumpai dalam seloka Melayu. Watak Pak Kaduk juga digambarkan mempunyai

sifat yang bodoh kerana terdorong daripada perasaan tamak dan ingin mendapatkan untung (Munir 1989). Perkaitan sabung ayam dengan cerita Pak Kaduk dapat dilihat melalui baris kedua dalam seloka Pak Kaduk iaitu “Ayamnya menang kampung tergadai”.

Dalam ekonomi tradisional masyarakat Melayu pada zaman dahulu, aktiviti penternakan merupakan salah satu kegiatan ekonomi sara diri. Salah satu haiwan penternakan tersebut ialah ayam. Penternakan ayam bertujuan untuk mendapatkan keperluan sumber makanan seperti telur dan daging. Oleh sebab haiwan ini telah melatari kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu, timbulnya ketajaman akal budi (keintelektualan) dalam mengasosiasikan sikap atau kelakuan ayam tersebut dengan manusia secara implisit. Perkara ini dapat dilihat melalui penciptaan peribahasa Melayu bersumberkan ayam yang masih boleh diguna pakai sehingga kini. Masyarakat yang masih menggunakan peribahasa ini, biasanya penuh dengan adat resam atau adat istiadat yang harus dipandang tinggi (Sapinah 2013). Bak kata pepatah Melayu, “Biar mati anak, jangan mati adat” yang merupakan salah satu peribahasa pusaka tinggalan nenek moyang bangsa Melayu sejak berzaman-zaman. Dengan adanya pengkajian makna peribahasa sebegini, di samping menggunakan pendekatan terkini seperti semantik inkuisitif, penulisan ini mampu melestarikan keintelektualan masyarakat Melayu pada zaman dahulu, dalam menciptakan peribahasa ini dengan tidak sewenang-wenangnya. Semoga penggunaan peribahasa terus dikekalkan terutamanya dalam kalangan masyarakat moden yang semakin tipis penggunaannya.

## **SOROTAN LITERATUR**

Pengkajian bidang peribahasa tidak terkira dan luas kajiannya. Kajian sebegini telah dilakukan oleh pengkaji dari luar negara mahupun dalam negara. Pencakupan bidang kajian peribahasa melibatkan aspek linguistik seperti semiotik, semantik dan pragmatik semakin giat dijalankan. Perkara ini memperlihatkan data peribahasa begitu segar dan subur kerana mampu dianalisis sehingga kini. Hal ini dikatakan demikian kerana peribahasa hanyalah ungkapan berimplisit yang digunakan secara turun-temurun dari zaman nenek moyang kita lagi.

Oleh itu, pada bahagian ini pengkaji akan menyorot kajian lepas yang telah mengaplikasikan data peribahasa sebagai sumber kajian meliputi bidang pengkajian seperti semiotik, semantik, sosiolinguistik serta semantik inkuisitif. Pada bahagian ini, pengkaji akan memperlihatkan kajian peribahasa yang melibatkan imej haiwan sebagai perlambangan.

Penglibatan para pengkaji bidang semiotik dalam menganalisis data peribahasa tidak perlu dipertikaikan. Pengkajian sebegini mampu menghuraikan makna implisit dalam peribahasa yang melibatkan tiga aspek iaitu indeks, ikon dan simbol. Menurut Peirce (1965), “*semiotics is something which stands to somebody in some respect or capacity*”. Oleh itu, terdapat tiga elemen semiotik. Pertama ialah indeks yang merujuk kepada objek yang menunjukkan kesan daripada objek yang menerangkan hubungan sebab dan akibat sesuatu tanda itu (Wan Norasikin 2016). Kedua, ikon yang dijadikan lambang bagi merujuk objek yang digambarkan, mirip, atau menyerupai sesuatu benda yang digambarkan. Ketiga ialah simbol yang berfungsi sebagai objek yang merujuk kepada peraturan sesuatu tanda. Perkara ini melibatkan aspek simbolik serta difahami oleh budaya dan masyarakat setempat, bersifat universal serta melibatkan proses kognitif dalam pemikiran seseorang.

Antara pengkaji lepas yang mengaplikasikan kerangka semiotik dengan menganalisis peribahasa sebagai kajian ialah Saidatul Nornis dan Mohd. Rasdi (2013), Wan Norasikin (2016), Ahmed (2017), Shuyang (2017) serta Muhammad Zaid, Nurfatin Hanani dan Muhammad Nurikhwan (2018). Kajian Muhammad Zaid, Nurfatin Hanani dan Muhammad Nurikhwan (2018) telah menganalisis peribahasa masyarakat Banjar bersumberkan ular (*Serpentes*) berpandukan kerangka semiotik oleh Peirce (1965). Data kajian ini telah diperoleh melalui buku *Ayuhak Bapandik – Supaan Bapandir Bahasa Rangkai, Kada Bapandir Bahasa Pupus* berdasarkan pensampelan bertujuan. Hasil kajian ini mendapati bahawa perlambangan ular dalam peribahasa masyarakat Banjar merujuk kepada aspek kelemahan. Hal ini dirujuk berdasarkan makna harfiah peribahasa tersebut dan disokong dengan teori semiotik oleh Peirce (1965). Kajian berkenaan mampu menghuraikan pertalian antara pemikiran dan perlambangan yang digunakan oleh masyarakat Banjar, seterusnya, menjawab persoalan mengenai perlambangan ular dalam konteks masyarakat Banjar. Walau bagaimanapun, berbeza pula bagi peribahasa masyarakat Melayu yang menganggap imej ular sebagai lambang kejahanan (Wan Norasikin 2016).

Dalam pada itu, Wan Norasikin (2016) telah mengelaskan lambang peribahasa Melayu bersumberkan haiwan dengan menggunakan pendekatan semiotik. Hasil kajian ini mendapati bahawa haiwan-haiwan yang dipilih sebagai lambang dalam teks Melayu klasik antaranya lembu dan keldai (haiwan lambang kebodohan), semut dan lebah (haiwan lambang kerajinan), gajah dan harimau (haiwan lambang kekuasaan), musang dan ular (haiwan lambang kejahanan), babi dan anjing (haiwan lambang kehinaan) serta kambing dan nyamuk (haiwan lambang kelemahan). Kajian pengkaji lepas dari luar negara seperti kajian Ahmed (2017) mengkaji peribahasa Hausa iaitu peribahasa masyarakat Afrika. Shuyang (2017), menganalisis peribahasa Rusia. Manakala, Saidatul Nornis dan Mohd. Rasdi

(2013) pula menganalisis peribahasa orang Semai menggunakan imej haiwan sebagai perlambangan bagi kajian mereka.

Lanjutan daripada kajian semiotik ialah kajian semantik. Bidang semantik merupakan lanjutan kepada pengkajian semiotik yang hanya melibatkan tiga aspek iaitu indeks, ikon dan simbol. Dalam bidang semantik ini, pengkaji akan melihat makna literal perkataan dan gabungannya bagi membentuk makna asas (Kearns 2011). Walau bagaimanapun, bidang semantik sering dikelaskan sebagai bidang kajian makna pada peringkat perkataan dan ayat, namun terpisah daripada konteks penggunaan.

Sehubungan itu, terdapat kajian makna dan peribahasa di peringkat ini seperti kajian Indirawati (1995), Ronsi (2011), Amira (2013) dan Norasiah (2013). Kajian Indirawati (1995) telah menganalisis peribahasa Melayu menggunakan keadaan semantik leksikal. Berdasarkan kajian tersebut, leksikal yang melibatkan kata nama tumbuhan dan kata nama haiwan telah dijadikan fokus kajian. Kajian ini telah menganalisis komponen makna dalam mengupas dan menggarap kumpulan makna konotatif leksikal. Kajian semantik dan peribahasa turut melihat persamaan makna peribahasa Melayu dan peribahasa Jepun seperti kajian Zaid dan Wan Suhaila (2017). Kajian ini telah mengenal pasti dan menyenaraikan peribahasa Melayu dan Jepun yang mempunyai pertentangan binari. Penulis telah merumuskan persamaan dan perbezaan makna antara peribahasa Melayu dan Jepun untuk dijadikan rujukan para pengajar dan pelajar bahasa Jepun. Di samping itu, kajian ini berpendapat berlakunya hubungan antara alam dan budaya dalam penciptaan peribahasa tersebut.

Pendekatan semantik kognitif juga semakin mendapat tempat dalam kajian peribahasa seperti kajian oleh Amirah dan Rozaimah (2011), Imran (2011) serta Hishamudin dan Mashetoh (2015). Kajian oleh Imran (2011) telah membincangkan peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*Canis familiaris*) dengan melibatkan peranan metafora rantaian makhluk utama (RMU) dan metonimi spesifik yang melambangkan generik dalam semantik peribahasa Melayu. Berdasarkan kajian ini, metafora RMU mampu melihat pandangan budaya rakyat (*folk culture*) mengenai hierarki makhluk dalam dunia hakiki. Sejumlah 35 peribahasa Melayu yang bersumberkan anjing telah dikelaskan sebagai perilaku protagonis (40%), antagonis (31.4%) serta bahagian anggota badan anjing dan objek berkaitan anjing (28.6%). Dapatkan kajian ini menunjukkan perbezaan antara proposisi dan skema metaforikal dalam semantik peribahasa haiwan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam peribahasa Melayu, lazimnya anjing sering dikaitkan dengan orang yang lemah, jahat, hina dan tidak berilmu. Berbeza pula dengan masyarakat Inggeris yang mengkonsepsikan anjing sebagai seorang manusia yang setia.


Seterusnya, terdapat beberapa pengkajian peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif seperti yang dilakukan oleh Nor Hashimah (2014a; 2014b; 2015), Junaini dan Nor Hashimah (2015), Nur Afiqah dan Nor Hashimah (2015; 2016), Suriati dan Nor Hashimah (2016), Junaini, Nor Hashimah dan Wan Nurasikin (2016), Julaina, Nor Hashimah dan Junaini (2017a; 2017b; 2018), Muhammad Zaid (2017; 2018a; 2018b; 2018c; 2020), Muhammad Zaid dan Mary Fatimah (2019a; 2019b; 2019c; 2019d), Murthy, Mary Fatimah dan Muhammad Zaid (2019a; 2019b; 2019c) serta Muhammad Zaid, Nurul Aida dan Mary Fatimah (2021).

Pengkaji lepas seperti Nor Hashimah (2014a; 2014b; 2015), Junaini dan Nor Hashimah (2015), Suriati dan Nor Hashimah (2016) serta Nur Afiqah dan Nor Hashimah (2015; 2016) telah menggunakan data peribahasa Melayu yang bersumberkan imej tumbuhan sebagai data kajian mereka. Meskipun kajian Muhammad Zaid (2017) menggunakan data slanga berimplisit yang dikutip melalui transkripsi perbualan di kedai kopi, namun data kajian pengkaji tersebut masih melibatkan imej tumbuhan sebagai data kajiananya. Terdapat usaha daripada pengkaji lepas yang menggunakan imej haiwan dalam pengkajian peribahasa Melayu dengan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif. Contohnya, kajian Muhammad Zaid (2018b) menganalisis peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan ayam (*Gallus gallus domesticus*) sebagai objek dan musang (*Paradoxurus hermaphroditus*) sebagai imej. Hasil kajian tersebut mendapatkan bahawa kewujudan ayam dan musang dalam peribahasa Melayu dapat dipecahkan lagi kepada domain-domain yang khusus seperti domain keuntungan, khianat, berhati-hati/teliti dan sia-sia. Manakala kajian Muhammad Zaid (2018a) turut menggunakan imej haiwan iaitu *Aves* yang merupakan nama saintifik bagi unggas seperti ayam, burung, itik dan angsa dalam peribahasa Melayu. Namun begitu, kajian ini memfokuskan domain “rezeki” dalam peribahasa Melayu yang bersumberkan unggas sahaja.

Sorotan kajian lepas dapat membantu pengkaji melihat kekurangan kajian peribahasa Melayu dengan pendekatan semantik inkuisitif terutamanya yang memfokuskan kepada imej haiwan sebagai data kajian. Justifikasi pemilihan peribahasa Melayu berunsurkan ayam adalah untuk menjawab persoalan penggunaan imej ayam dalam peribahasa Melayu. Penelitian makna peribahasa ini akan mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Penerokaan semantik inkuisitif ini mampu menjangkau makna tersurat dan tersirat dalam peribahasa Melayu. Malah, sifat ingin tahu kepada sebab pemilihan pola seumpama ini boleh muncul dengan mendasari dan meneroka falsafah yang mendalam sehingga mampu menerobos ke akal budi masyarakat Melayu itu sendiri (Nor Hashimah 2014a).

## METODOLOGI KAJIAN

Terdapat empat tahap yang dijalankan iaitu penentuan, pencerakinan, pemetaan dan penganalisisan data. Rajah 1 menerangkan susur galur kajian ini dijalankan.



Rajah 1: Susur galur penganalisisan kajian.

### Peringkat Pertama (Penentuan Data Kajian)

Sebelum kajian ini dijalankan, pengkaji telah membuat pembacaan yang teliti dengan berpandukan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas. Pembacaan ini melibatkan pengkajian bidang peribahasa serta semantik inkuisitif sebagai kerangka kajian. Hasil daripada pembacaan yang autentik, pengkaji mendapati bahawa penggunaan imej ayam dalam domain “berhati-hati”, “siasia” dan “khianat” masih belum digunakan sebagai data kajian. Dalam pada itu, kajian ini berbentuk kualitatif sepenuhnya. Analisis dokumen yang digunakan oleh pengkaji untuk memperoleh data peribahasa Melayu adalah seperti *Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima* oleh Mohd. Tajuddin (2017), *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* oleh Abdullah (2016) serta *Kamus Peribahasa Melayu* oleh Sapinah (2013). Justifikasi pemilihan kamus-kamus peribahasa Melayu ini adalah supaya pengkaji tidak tertinggal data peribahasa Melayu berhubungan dengan ayam secara total. Pemilihan data tersebut adalah secara pensampelan bertujuan kerana fokus pengumpulan data kajian hanyalah melibatkan peribahasa Melayu yang berhubung dengan ayam sahaja.

### Peringkat Kedua (Pencerakinan Data)

Pada peringkat pencerakinan data ini, pengkaji perlu melihat data kajian daripada perspektif bahasa. Pengkaji telah memperoleh data peribahasa Melayu yang bersumberkan ayam. Seterusnya, peribahasa tersebut dijadualkan meliputi aspek-aspek seperti makna peribahasa Melayu, leksikal dan rujukan peribahasa serta mengelaskan domain-domain khusus peribahasa seperti kebiasaan, berhati-hati/teliti, sia-sia, rezeki, khianat, ironi, jodoh dan kekuasaan (Jadual 1).

Jadual 1: Pemaparan khusus domain peribahasa Melayu berasosiasi dengan ayam

Bil.	Domain	Kekerapan peribahasa Melayu	Peratusan
1.	Kebiasaan	18	20.0
2.	Rezeki	16	17.8
3.	Berhati-hati/teliti	15	16.7
4.	Sia-sia	14	15.6
5.	Khianat	9	10.0
6.	Kekuasaan	8	8.9
7.	Ironi/sindiran	8	8.9
8.	Jodoh	2	2.2
Jumlah keseluruhan		90	100

Bagi kajian ini, pengkaji akan memfokuskan analisis data peribahasa Melayu berasosiasi dengan ayam dalam domain berhati-hati/teliti, sia-sia dan khianat. Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya. Oleh itu, saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima data kajian sudah mencukupi, asalkan sampel yang dipilih memenuhi kriteria pensampelan (Liamputong 2014). Pengkaji akan mengambil satu contoh peribahasa Melayu bagi tujuan penganalisisan data yang telah dipecahkan berdasarkan domain-domain khusus tersebut. Pemilihan tiga domain peribahasa bersumberkan ayam ini juga dijadikan sebagai batasan kajian pengkaji.

### Peringkat Ketiga (Pemetaan Data)

Proses pemetaan data melibatkan hubungan aspek bahasa dengan penggunaan perkataan dalam peribahasa Melayu. Data korpus yang diperoleh daripada Pangkalan Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta *Malay Concordance Project* (MCP) dapat meningkatkan kesahan makna peribahasa (Muhammad Zaid 2020). Dapatan data daripada pangkalan korpus ini membantu pengkaji melihat penggunaan data peribahasa Melayu yang diperoleh daripada sumber seperti


buku, akhbar, kertas kerja, perbahasan – kumpulan pelbagai bahan atau data untuk kajian (penyelidikan) dan sebagainya (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2016), majalah, teks sastera serta efemeral – seperti brosur dan risalah kecil (Jumingan 2006). Justifikasi penggunaan data korpus ini dilakukan kerana pengkajian bahasa berdasarkan penggunaan dan contoh sebenar penggunaan bahasa (McEnery dan Wilson 1996). Menurut McEnery dan Wilson (1996) dalam Nor Hashimah (2014a, 26), “ahli linguis korpus mengkaji bahasa sebenar, linguis lain hanya duduk di meja kopi sambil memikirkan contoh-contoh ayat liar dan tidak munasabah.”

Bertitik tolak daripada kenyataan inilah, pengkaji telah membuat satu per satu kesahan data peribahasa tersebut di Pangkalan Korpus DBP serta MCP bagi mendapatkan contoh ayat berdasarkan konteks yang sebenar. Namun begitu, akibat daripada batasan sumber ayat di tong korpus, pengkaji hanya mampu menemui satu atau dua ayat sahaja yang berkaitan dengan domain berhati-hati, sia-sia dan khianat. Oleh itu, hanya satu peribahasa bagi setiap domain yang dikaji akan dianalisis secara terperinci dan lain-lain peribahasa yang terangkum dalam domain yang dipilih akan disenaraikan sahaja.

Dalam masa yang sama, dapatan data korpus ini membantu pengkaji menganalisis ayat tersebut menggunakan pendekatan rangka rujuk silang (RRS) yang diperkenalkan oleh Kempson (1986) dalam bidang pragmatik iaitu Teori Relevan. Pengaplikasian RRS ini dapat membantu pengkaji melihat hubungan antara dua ayat yang tidak mempunyai hubungan khusus tetapi anteseden dan maklumat tambahan ini dapat membantu pengkaji membentuk konteks peribahasa tersebut berpandukan ayat itu sendiri (Nur Afiqah dan Nor Hashimah 2015).

### **Peringkat Keempat (Penganalisisan Data)**

Proses penganalisisan data merupakan kesinambungan daripada peringkat pertama sehingga peringkat ketiga. Pada peringkat keempat ini pengkaji sudah mula mengaplikasikan kerangka semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah pada tahun 2014. Inkuisitif merupakan semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka dan mencari jawapan kepada hal sebenar yang dimaksudkan oleh sesuatu ungkapan (Nor Hashimah 2014a). Semantik inkuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Hal ini dikatakan demikian kerana makna yang dikemukakan secara tersirat mempunyai kaitan dengan budaya, konteks penggunaan, pengalaman serta persekitaran, emosi, pendidikan dan pandangan tentang dunia (Mary Fatimah dan Muhammad Zaid 2016; 2017; 2018). Rajah 2 merupakan susur galur kerangka semantik inkuisitif secara ringkasnya.



Rajah 2: Rumusan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah (2014a).

Rajah 2 menjelaskan bahawa untuk mencapai tahap semantik inkuisitif, analisis data haruslah melalui tiga peringkat utama. Setiap ungkapan atau teks peribahasa Melayu boleh diperoleh daripada kamus-kamus peribahasa Melayu mahupun dalam bentuk ujaran seseorang penutur. Pemberian makna data peribahasa Melayu bermula pada peringkat semantik skrip. Makna yang dikemukakan di peringkat ini hanyalah berbentuk harfiah atau secara dasar sahaja. Perkara ini tidak memadai untuk pengkaji mencungkil makna sebenar peribahasa tersebut sedalam-dalamnya.


Analisis data peribahasa Melayu peringkat kedua dinamakan sebagai semantik resonans. Peringkat ini adalah sebagai penambahbaikan daripada peringkat yang pertama iaitu semantik skrip. Pada peringkat semantik resonans, pengkaji perlulah menghuraikan maksud peribahasa Melayu tersebut dengan mengambil kira data, teori dan kognitif penuturnya. Namun begitu, pada peringkat ini juga masih tidak memadai untuk menghuraikan makna sebenar peribahasa tersebut. Berhubung dengan peringkat semantik skrip hanyalah terhad kepada pengamatan dan andaian lalu yang melibatkan tafsiran makna yang tersurat. Semantik resonans pula telah menambah baik peringkat semantik skrip tersebut dengan mengambil kira data, teori dan kognitif secara tersirat.

Melalui penambahbaikan kepada kedua-dua peringkat ini, Nor Hashimah (2014a; 2014b) telah mengambil inisiatif dalam mencungkil makna sebenar peribahasa Melayu sehingga ke peringkat akal budi penuturnya. Peringkat ini dinamakan sebagai semantik inkuisitif. Peringkat ini merupakan peringkat yang tertinggi dalam menganalisis peribahasa Melayu dalam menghuraikan makna sebenar peribahasa tersebut. Analisis peringkat semantik inkuisitif ini bersifat multidisiplin

yang meliputi bidang geografi, sejarah, etimologi, budaya, agama, sains, sosiologi dan sebagainya. Bidang-bidang tersebut menjadi sumber bantuan kepada pengkaji dalam menganalisis peribahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Dapat dirumuskan bahawa analisis makna peribahasa di peringkat semantik inkuisitif merupakan peringkat yang terbaik, jika dibandingkan dengan analisis di peringkat semantik skrip dan semantik resonans.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kutipan data kajian ini, terdapat 90 data peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan ayam. Walau bagaimanapun, peribahasa yang bersumberkan ayam ini dapat dipecahkan lagi kepada subkategori khusus seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3: Pecahan peribahasa Melayu bersumberkan ayam.

Rajah 3 menunjukkan peratusan imej ayam yang telah digunakan dalam peribahasa Melayu. Kehadiran imej ayam dalam peribahasa Melayu ini dapat dipecahkan lagi kepada subkategori ayam yang lebih khusus seperti ayam jantan (2 peribahasa atau 2.2%), ayam beroga/hutan (1 peribahasa atau 1.1%), ayam betina (4 peribahasa atau 4.4%), telur ayam (2 peribahasa atau 2.2%), anak ayam (5 peribahasa atau 5.6%), ayam hitam (2 peribahasa atau 2.2%) dan ayam putih (1 peribahasa atau 1.1%, manakala peribahasa Melayu yang menggunakan imej ayam secara umum adalah sebanyak 73 peribahasa atau 81.1%. Menurut Muhammad Zaid (2018b), kehadiran haiwan dalam peribahasa Melayu seperti ayam telah menunjukkan yang masyarakat Melayu pada zaman dahulu telah mengasimilasikan kejadian alam sekeliling dengan kehidupan sehari-hari sehingga mampu mengaitkan tabiat sikap haiwan tersebut. Kemudian, dikiaskan dengan sikap atau kelakuan manusia yang

dapat dilihat melalui makna harfiah peribahasa tersebut. Melalui 90 ungkapan peribahasa Melayu berunsurkan ayam, terdapat imej positif dan negatif yang dapat dipancarkan dengan sifat dan kelakuan manusia (Jadual 2).

Jadual 2: Nilai perlambangan “ayam” dalam peribahasa Melayu

Imej unggas	Nilai positif	Nilai negatif
Ayam	Ilmuwan, orang harapan, senang, mewah, tangkas, keakraban	Kemiskinan, penakut, pelacur, jijik, kehinaan, berpenyakit, lemah, kejahatan, malas, tidak bertanggungjawab, nasib malang, bodoh, permusuhan, pengecut

Sumber: Wan Norasikin (2016).

Mengambil peribahasa Melayu yang bersumberkan ayam sebagai data kajian mampu menghuraikan secara empiris kepada kerangka teoretis sehinggalah akal budi penutur. Hal ini dapat memberikan penjelasan yang terbaik bagi merungkai fenomena bahasa yang dibincangkan. Bersangkut paut dengan huraian yang dijelaskan sebelum ini, pengkaji akan menganalisis peribahasa tersebut menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Ciardelli, Groenendijk dan Roelofsen (2012) menyatakan bahawa perasaan ingin tahu atau inkuisitif seseorang manusia menyebabkan sesuatu pengetahuan itu berkembang. Dalam konteks masyarakat Melayu zaman dahulu, perkembangan ilmu pengetahuan/pemikiran dapat dilihat melalui penciptaan peribahasa. Menurut Nor Hashimah (2014a) pula, aspek pemikiran ini dapat dikaitkan dengan nilai-nilai sosiobudaya Melayu seperti adab berpakaian, masa, gender dan rasuah.

Berdasarkan Jadual 3, 4 dan 5, data peribahasa Melayu ini telah dikelaskan mengikut urutan. Bermula dengan peribahasa Melayu, makna peribahasa, leksikal atau imej haiwan (ayam) disertakan dengan maklumat tambahan yang diperoleh melalui peribahasa tersebut. Pengelasan domain peribahasa bertujuan untuk mengecilkan skop penganalisisan data peribahasa Melayu yang berkaitan dengan ayam. Data peribahasa yang diwarnakan seperti berikut telah dipilih sebagai dapatan data untuk dianalisis.

### Domain Berhati-hati/Teliti Dalam Peribahasa Melayu Berunsurkan Ayam

Peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan leksikal ayam mencatatkan pecahan domain ketiga yang tertinggi. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat 15 (16.7%) peribahasa Melayu berasosiasi dengan leksikal ayam dalam domain berhati-hati/teliti. Domain ini merujuk kepada kelakuan manusia yang bersikap berwaspada dalam setiap kelakuan dengan perbuatan mereka. Berikut merupakan contoh

peribahasa Melayu yang telah dikelaskan dalam domain berhati-hati/teliti seperti Jadual 3.

Jadual 3: Contoh peribahasa Melayu berasosiasi dengan ayam dikelaskan dalam domain berhati-hati/teliti

Kod data	Peribahasa Melayu	Makna	Leksikal	Maklumat tambahan	Domain
B1.3357/182	Sembelih ayam dengan pisau, sembelih orang dengan kapas	Manusia harus diperlakukan dengan lemah lembut	Ayam	Sembelih dengan pisau Sembelih orang-kapas	Berhati-hati/teliti
B1.4221/225	Tua-tua telur ayam	Hanya tua sedikit sahaja (kebiasaannya digunakan untuk merendahkan diri dalam percakapan)	Telur ayam	Tua-tua	Berhati-hati/teliti
B1.265/15	Ayam putih terbang siang, hinggap di kayu merasi, bertali benang bertambang tulang	Perkara yang nyata mudah ketahuan	Ayam putih	Terbang siang, hinggap di kayu merasi	Berhati-hati/teliti
B1.765/40	Berketak ayam, tahu akan bertelur atau tidak	Orang yang bijaksana itu, apabila mendengar orang yang bercakap, tahu ia benar atau bohong, berilmu atau tidak	Ayam	Berketak tahu akan bertelur atau tidak	Berhati-hati/teliti
B1.453/24	Bagai menyukat anak ayam, masuk empat keluar lima	Melakukan pekerjaan yang sulit	Anak ayam	Menyukat Masuk empat keluar lima	Berhati-hati/teliti

### Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Pada peringkat semantik skrip peribahasa “berketak ayam, tahu bertelur atau tidak” bermaksud orang yang bijaksana itu, apabila mendengar orang yang bercakap, tahu ia benar atau bohong, berilmu atau tidak (Abdullah 2016). Peribahasa ini dikelaskan dalam domain berhati-hati atau teliti kerana sikap seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dapat menilai percakapan seseorang sama ada betul ataupun berbohong. Sikap sebegini diperlukan dalam diri setiap orang supaya kita

tidak mudah ditipu oleh orang lain. Walau bagaimanapun, berdasarkan makna harfiah peribahasa ini, adalah tidak memadai untuk kita mencungkil makna sebenar peribahasa tersebut sehingga ke akal budi penuturnya (Nor Hashimah 2014a; 2014b).

### Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis diteruskan lagi dengan pembuktian linguistik mengenai penggunaan peribahasa. Perkara ini dapat dirungkai melalui pendekatan RRS seperti yang terdapat pada ayat (i).

- (i) “Usahlah membuat temberang dengan mengatakan bahawa kamu  
↓  
orang kaya dan banyak harta, mendengar omongan pun aku sudah tahu  
↓  
akan diri kamu yang sebenarnya \*\*\*berketak ayam, tahu akan  
←  
bertelur atau tidak\*\*\*” sindir Lebai Pa kepada Osman.  
↓


Sumber: Sapinah (2013)

Data korpus yang dirujuk berdasarkan pendekatan RRS tersebut merupakan contoh penggunaan peribahasa “berketak ayam, tahu bertelur atau tidak”. Berdasarkan ayat (i), di pangkal ayat sudah diberikan kata larangan iaitu “usahlah” daripada pengucap iaitu Lebai Pa kepada pendengar Osman. Perkara ini telah memberikan kesan kognitif kepada pendengar atau pembaca mengenai peribahasa ini. Konteks ayat tersebut dapat dikaitkan dengan emosi seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana Lebai Pa dilihat mampu menyindir Osman yang cuba untuk berbohong mengenai status dirinya, sebagai seorang yang berharta dan kaya. Dalam konteks budaya masyarakat Melayu, golongan lebai merupakan orang yang bijak dalam hal-hal keagamaan (Mahyuddin 2000). Golongan lebai, imam, bilal dan kadi merupakan empat kategori utama bagi masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Selain daripada empat kategori ini ialah golongan berdarah raja, golongan yang mempunyai gelaran seperti Wan dan Syed, golongan rakyat biasa serta golongan yang berpengaruh seperti nakhoda dan penghulu (Mahani 2003).

Pada awalnya, maklumat mengenai sesuatu perkara itu tidak wujud dalam komunikasi lisan yang didengar. Tetapi, melalui premis tambahan dalam ujaran dapat membantu pendengar menginterpretasikan makna sebenar dalam konteks ujaran tersebut. Rujukan RRS berdasarkan ayat (i) menunjukkan bahawa “membuat temberang”, “mengatakan kamu orang kaya”, “banyak harta”, “mendengar omongan pun aku sudah tahu”, “yang sebenarnya” serta “sindir” merupakan premis tambahan bagi memudahkan lagi usaha memproses pendengar bagi memahami

penggunaan peribahasa tersebut. Dengan mengaitkan ujaran penutur ini, pendengar mampu diberikan makna yang dihajati oleh penutur. Berdasarkan RRS yang telah dilakukan, peribahasa ini telah dikonsepsikan sebagai “sikap seseorang yang sedang berhati-hati atau teliti dalam mempercayai apa yang diperkatakan mengenai seseorang itu,” malah mampu menyindir seseorang yang cuba untuk menipu. Dapat dirumuskan bahawa dengan kebergantungan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses terhadap ujaran yang diperoleh pendengar atau pembaca, mereka berupaya memanifestasikan makna sebenar peribahasa tersebut dengan lebih berwibawa (Nurul Aida dan Muhammad Zaid 2020; Suzeyiana dan Muhammad Zaid 2020; Muhammad Zaid dan Mary Fatimah 2021).

Langkah seterusnya mampu memotivasiakan peringkat kognitif dalam penciptaan peribahasa “berketak ayam, tahu bertelur atau tidak” (rujuk Rajah 4). Makna yang dikemukakan bagi setiap leksikal peribahasa ini merupakan makna linguistik dalam bentuk logik. Melalui bentuk logik, pendengar mahupun pembaca berupaya memahami peribahasa tersebut secara dasar terlebih dahulu sebelum mampu mengaitkan makna implisit peribahasa tersebut dengan domain berhati-hati/teliti.




Rajah 4: Gambaran proses kognitif peribahasa Melayu “berketak ayam, tahu bertelur atau tidak”.

### Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Penghuraian ketersiratan makna dalam peribahasa ini bukanlah sekadar menghuraikan di peringkat kognitif sahaja tetapi memerlukan ilmu yang jauh mendalam dan teliti supaya dapat mencungkil akal budi dan falsafah masyarakat Melayu pada zaman dahulu (Julaina, Nor Hashimah dan Junaini 2018). Oleh itu, persoalan yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014a) iaitu “kenapa, kenapa dan kenapa” dalam analisis semantik inkuisitif telah menjadikan kaedah untuk mendalami falsafah dan akal budi masyarakat Melayu berdasarkan pengaruh atau kelakuan manusia yang bijak pandai sehingga dikaitkan dengan tafsiran “berhati-hati/teliti”. Perkara ini merupakan jelmaan dalam mengekspresikan golongan yang mempunyai kelebihan dalam ilmu penternakan ayam.

Masyarakat Melayu pada zaman dahulu tidak terlepas daripada ekonomi sara diri. Ekonomi seperti ini dapat membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup. Salah satunya adalah dengan menternak haiwan seperti ayam, itik, lembu dan sebagainya. Untuk menternak haiwan ini, penternak perlulah memahami sifat dan kelakuan haiwan ternakan tersebut kerana haiwan tidak dapat menyatakan sesuatu perkara dengan berbicara seperti kesakitan, kelaparan mahupun mengenai proses persenyawaan mereka. Oleh itu, telah menjadi tugas seseorang penternak untuk memahami sistem biologi haiwan ini. Namun begitu, pada zaman dahulu kurangnya teknologi moden untuk mengetahui perihal biologi haiwan, tetapi dengan keintelektualan masyarakat Melayu, mereka mampu menguruskan haiwan ternakan dengan baik dan hal ini tidak boleh dipandang remeh. Melalui proses ternakan masyarakat Melayu pada zaman dahululah mampu mewujudkan penambahbaikan sistem penternakan pada masa ini. Sebagai contoh, peribahasa ini dapat dikaitkan dengan biologi ayam betina. Sebagai seseorang yang mahir dalam ilmu menternak ayam, mereka dapat menilai dan meneka waktu ayam betina akan bertelur mahupun tidak. Perkara ini dapat dibuktikan dalam bidang zoologi. Menurut Muksin (2012), ciri-ciri ayam betina yang akan bertelur ataupun tidak dapat dilihat melalui sifat fizikal dan kelakuannya.



Rajah 5: Proses mengenal pasti ciri-ciri ayam bertelur.

Sumber: Muksin (2012)

Rajah 5 menunjukkan cara-cara penternak mengetahui masa/waktu ayam betina akan bertelur. Rajah 5(a) menunjukkan ciri-ciri ayam betina yang akan bertelur dapat dilihat pada bahagian pial atau jengger dan gelambir. Bahagian ini akan kelihatan tidak pucat, malah lebih berkilat, merah dan menjadi besar. Kedua, penternak boleh melihat bahagian kloaka ayam betina tersebut, jika terdapat cecair atau lembapan (tidak kering) dan bahagian anus ayam betina akan bersifat lebar dan terbuka (tidak sempit) (rujuk Rajah 5[b]). Rajah 5(c) pula menunjukkan bahagian pubik (bahagian kemaluan) atau tulang punggung belakang ayam betina bersifat fleksibel dan mudah dilentur. Menurut Muksin (2012), jarak kelenturan pubik ayam betina dapat diukur berdasarkan tiga jari orang dewasa (rujuk Rajah 5[c]) yang menunjukkan posisi tulang pubik ayam betina. Penternak ayam juga akan melihat bahagian abdomen ayam betina.

Merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), abdomen merupakan rongga di bahagian tengah badan vertebrat (yang berisi organ seperti perut, usus, hati dan buah pinggang). Rajah 5(d) menunjukkan posisi ayam betina menghadap ke atas bagi menggambarkan bahagian abdomen yang sangat lembut, mudah dilentur dan tidak keras apabila disentuh dengan tangan. Rajah 5(d) turut menunjukkan jarak antara kloaka dengan tulang dada, sebanyak tiga atau empat jari orang dewasa untuk menggambarkan seekor ayam betina dewasa akan bertelur. Perkara sebegini menunjukkan yang masyarakat Melayu pada zaman dahulu bersahabat dan bersifat mesra dengan alam sekitar. Secara tidak langsung telah menjadikan alam ini tempat ekosistem yang selamat untuk didiami (Nor Hashimah 2015). Melalui ciri-ciri ini dapat dikaitkan kembali dengan pemikiran masyarakat Melayu pada zaman dahulu iaitu jika seseorang itu sudah terbiasa dengan proses ternakan ayam, ciri-ciri inilah dapat membantu mereka mengetahui sama ada ayam betina telah bersedia untuk bertelur ataupun sebaliknya.

Perkara ini juga dapat dikaitkan dengan struktur sosial masyarakat Melayu pada zaman dahulu khususnya sebelum kedatangan penjajah. Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum kedatangan penjajah seperti British, masyarakat Melayu terbahagi kepada dua golongan, iaitu pemerintah dan diperintah. Golongan pemerintah seperti kerabat diraja, sultan, pembesar pentadbir serta ulama istana berperanan melancarkan pentadbiran sesbuah negeri yang diperintahnya. Golongan diperintah pula terdiri daripada rakyat biasa (petani, pedagang, nelayan dan sebagainya) dan orang asing yang bebas atau merdeka. Golongan ini juga merupakan tulang belakang negeri yang diperintah kerana menghasilkan sumber makanan mahupun minuman kepada golongan yang memerintah (Mahani 2003). Walau bagaimanapun, golongan diperintah tidak mempunyai kuasa politik dan pentadbiran.

Penternak merupakan golongan diperintah yang bebas menjalankan kegiatan ekonomi secara kecil-kecilan mahupun besar-besaran. Golongan penternak mempunyai kepakaran dalam penternakan haiwan. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu begitu tajam akal fikirannya dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira hierarki. Perkara ini juga dapat dianalogikan dengan “asam garam” kehidupan kerana kebijaksanaan penternak telah dirujuksilangkan dalam penciptaan peribahasa ini. Kepakaran ini tidak dimiliki oleh semua masyarakat Melayu berdasarkan struktur sosial berbeza kerana setiap beban tugas dan tanggungjawab masyarakat ketika itu berbeza-beza.

### **Domain Sia-sia Dalam Peribahasa Melayu Berunsurkan Ayam**

Peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan leksikal ayam ini mencatatkan pecahan domain keempat tertinggi. Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat 14 (15.6%) peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan leksikal ayam dalam domain sia-sia ini. Domain ini merujuk kepada sikap manusia dalam melakukan perkara yang merugikan mereka dari segi tenaga, masa, kewangan dan sebagainya (*Kamus Dewan Edisi Keempat 2016*). Jadual 4 menunjukkan contoh peribahasa Melayu dalam domain sia-sia.

Jadual 4: Contoh peribahasa Melayu berasosiasi dengan ayam dikelaskan dalam domain sia-sia

Kod data	Peribahasa Melayu	Makna	Leksikal	Maklumat tambahan	Domain
B1.269/16	Ayam terlepas, tangan bau tahi	Kejahatan orang tidak mendatangkan hasil, malainkan malu semata-mata	Ayam	<u>Terlepas</u> <u>Tangan bau</u> tahi	Sia-sia
B1.443/24	Bagai menggelikan induk ayam	Memberanikan orang yang penakut	Ayam	<u>Menggelikan</u> Induk	Sia-sia
B1.265/15	Berketuk ayam dalam telur	Anak-anak atau orang bodoh yang turut merundingkan sesuatu perkara yang tidak diketahuinya	Ayam	<u>Berketuk</u> Dalam telur	Sia-sia
B1.2525/143	Menerka ayam di dalam telur	Melakukan sesuatu yang sia-sia	Ayam	Menerka Di dalam telur	Sia-sia

(Bersambung)

Jadual 4: (*Sambungan*)

Kod data	Peribahasa Melayu	Makna	Leksikal	Maklumat tambahan	Domain
B1.3541/191	Seperti koteck ayam mandul	Maksudnya banyak sahaja tetapi satu pun tidak menjadi	Ayam	<u>Koteck</u> <u>Mandul</u>	
B1.3571/193	Seperti meminta susu kepada ayam	Meminta nasihat bukan pada tempatnya	Ayam	Meminta susu	Sia-sia

### Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Peribahasa yang akan dijadikan data kajian pada bahagian ini ialah “ayam terlepas, tangan bau tahi”. Makna harfiah atau makna skrip yang tertulis dalam Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah (2013) ialah kejadian seseorang tidak mendatangkan hasil, tetapi mendatangkan malu semata-mata. Makna di peringkat ini hanyalah tafsiran makna melalui pemerhatian dan dokumen secara preskriptif sahaja (Nor Hashimah 2018). Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa penerokaan makna peribahasa ini tidak memadai untuk dicungkil dengan lebih mendalam.

### Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Penggunaan peribahasa ini dapat disokong dengan pembuktian linguistik yang dipetik melalui Pangkalan Korpus DBP. Maklumat sebegini diperlukan bagi tujuan analisis RRS seperti contoh ayat (ii).

Berdasarkan RRS ini, kita dapat memperlihatkan contoh penggunaan peribahasa “ayam terlepas, tangan bau tahi”. Petikan ini diperoleh daripada keratan akhbar *MyMetro*. Petikan ini dapat dirujuksilangkan dengan tingkah laku negatif iaitu perbuatan sia-sia. Berdasarkan contoh ayat (ii), kelakuan melanggar undang-undang negara merupakan sesuatu perkara yang merugikan diri sendiri, terutamanya dalam kalangan remaja.

Apabila diperhalusi peribahasa dan konteks ayat ini, pendengar atau pembaca dapat mengesan kehadiran premis tambahan yang wujud dalam ayat tersebut. Merujuk Julaina, Nor Hashimah dan Junaini (2018), premis tambahan membantu pembaca mahupun pendengar mengaitkan konteks dengan maksud harfiah peribahasa tersebut. Konteks ayat (ii) “ayam terlepas, tangan bau tahi” dikaitkan dengan sikap sia-sia golongan remaja yang menghabiskan masa dan kewangan mereka dengan

aktiviti merempit atau perlumbaan motosikal haram. Perkara ini telah memberi kesan yang buruk kepada ketenteraman dan keselamatan orang lain.


Peribahasa “ayam terlepas, tangan bau tahi”, mempunyai anteseden yang membolehkan pembaca mahupun pendengar memahami makna harfiah peribahasa ini secara langsung. Tambahan pula, kewujudan premis tambahan yang mendahului dan mengikutnya peribahasa ini dapat berlanjutan dengan bantuan RRS, mampu merendahkan kos memproses pendengar atau pembaca untuk mencerna makna peribahasa ini. Frasa seperti “mengesan mereka yang menunggang secara bahaya”, “berkumpulan”, “menyebabkan pengunjung di Taman Jubli Emas tidak selesa”, “membahayakan pengunjung dan pengguna jalan raya” merupakan maklumat tambahan yang membantu pendengar dan pembaca memahami konteks awal peribahasa ini.

- (ii) “Operasi bertujuan mengesan mereka yang menunggang secara berbahaya dan berkumpulan. Keadaan itu menyebabkan pengunjung di Taman Jubli Emas tidak selesa selain membahayakan pengunjung dan pengguna jalan raya yang lain,” katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini. Sementara itu, Rozi berkata, tiga remaja dijatuhi hukuman penjara sehari dan denda RM5,000 kerana merempit. Katanya, remaja berusia antara 20 dan 21 tahun ini ditahan dalam operasi terbabit pada Januari lalu dan dijatuhi hukuman mengikut Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987. “Mahkamah Majistret (Mahkamah Khas Trafik) Alor Setar menjatuhkan hukuman itu masing-masing pada hari Rabu dan Khamis lalu selepas mereka mengaku bersalah terhadap pertuduhan,” katanya. Perkara yang berlaku ini ibarat \*\*\*ayam terlepas, tangan bau tahi\*\*\*.

Sumber: Rahman (2016)

Puncak kepada kesan kognitif atau pemahaman sebenar peribahasa ini dapat dirujuk melalui frasa “tiga remaja dijatuhi hukuman penjara sehari”, “denda RM5,000”, “merempit” “dijatuhi hukuman”, “Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987” dan “mereka mengaku salah terhadap pertuduhan”. Semua ini merupakan maklumat yang terbaik bagi pendengar atau pembaca merujuk silangkan makna harfiah peribahasa iaitu kejadian seseorang itu tidak mendatangkan hasil, tetapi mendatangkan malu sahaja.

Penciptaan peribahasa ini dapat dimotivasiikan berdasarkan gambaran proses kognitif seperti di Rajah 6.



Rajah 6: Gambaran proses kognitif peribahasa Melayu “ayam terlepas, tangan bau tahi”.

Peribahasa ini melambangkan imej seperti ayam, tangan serta bau tahi sebagai perlambangan yang negatif iaitu perbuatan yang sia-sia. Di peringkat semantik resonans, pengkaji perlu mentafsir makna peribahasa ini berdasarkan data, teori dan kognitif (Nor Hashimah 2018). Semua ini adalah penambahbaikan daripada peringkat semantik skrip iaitu gambaran kognitif telah dimotivasi dengan mengambil kira pemikiran masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam menciptakan peribahasa ini. Pada bahagian ini, pengkaji akan melakukan gambaran proses kognitif peribahasa “ayam terlepas, tangan bau tahi”.

### **Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Penghuraian makna yang telah dijalankan pada peringkat analisis tahap 1 dan tahap 2 masih tidak memadai untuk mencungkil makna sebenar peribahasa ini. Berdasarkan peribahasa ini, pelbagai persoalan bermain dalam pemikiran penutur. Contohnya,

1. Apakah jenis baka ayam yang mempunyai sifat begini?

2. Kenapakah imej perlambangan ayam dipilih bagi mewakili konteks peribahasa ini?
3. Bagaimanakah ayam yang telah ditangkap itu boleh terlepas?
4. Adakah ayam akan mengeluarkan tahi, sebagai strateginya untuk melepaskan diri daripada ditangkap?

Perkara seperti inilah yang perlu dibahaskan dalam mencari jawapan sebenar dalam penciptaan peribahasa ini. Bagi menjawab persoalan seperti ini, gagasan semantik inkuisitif mampu merungkaikan fenomena yang berlaku di sebalik penciptaan peribahasa tersebut. Menurut Sapinah (2013), peribahasa ini dikaitkan dengan situasi seseorang yang telah berjaya menangkap ayam, tetapi hasil tangkapannya telah terlepas. Bertambah malangnya lagi, ayam yang telah ditangkap itu tercirit pada tangannya. Peribahasa ini dapat dikaitkan dengan corak kehidupan sosial masyarakat Melayu pada zaman dahulu iaitu selain menternak haiwan seperti ayam, itik, lembu dan kambing, mereka turut ke hutan untuk berburu.

Bagi menjawab persoalan pertama sehingga keempat, kajian ini berpendapat “ayam hutan” ialah jenis baka ayam yang dimaksudkan dalam peribahasa ini. Pemilihan imej ayam hutan adalah kerana sifat ayam hutan dikatakan “pintar makhluknya”. Bagi melepaskan dirinya daripada ditangkap musuh, ayam hutan akan mengeluarkan najis supaya terkena musuh dan mengakibatkan fokus musuh untuk menangkapnya terjejas (Akrim et al. 2015). Walau bagaimanapun, ayam hutan yang baru ditangkap oleh musuh, mudah menerima tekanan dan sedaya upaya untuk melepaskan dirinya (Setianto, Prakosos dan Sutriyono 2015). Ayam hutan juga akan menurunkan nafsu makannya jika berada di luar keselesaannya sehingga mudah diserang penyakit dan mati (Naladhipa 2017). Ayam hutan yang baru ditangkap sangat liar dan susah untuk dijinakkkan. Bagi menjinakkan ayam hutan ini, penternak memerlukan kesabaran, ketekunan dan pemerhatian yang ekstra (Setianto, Prakosos dan Sutriyono 2015). Menurut Brisbin dan Peterson (2007) pula, meskipun ayam hutan telah diternak secara komersial dan dipelihara dengan baik semenjak menetas daripada telurnya lagi, ayam jenis ini akan tetap bersifat liar kerana itulah sifat semula jadinya yang tidak dapat dielakkan.

Selain itu, ayam hutan yang ditangkap adalah untuk peliharaan dan dikahwingsilangkan bagi memperoleh keturunan baharu yang tidak bersifat liar. Perkara ini boleh dimanfaatkan dengan penjualan ayam liar kacukan yang mampu mendatangkan keuntungan lumayan kepada penjualnya (Setianto 2013). Menurut Liang, Cai dan Yang (2013) pula, harga ayam hutan asli (tidak dikacukkan dengan jenis baka ayam lain) di pasaran umum adalah USD3,000 (RM12,590.40) seekor.

Jika dilihat dalam konteks negara Malaysia, penangkapan ayam hutan merupakan suatu kesalahan di sisi undang-undang. Perkara ini dirujuk di bawah Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (FI Lesen, Permit dan Permit Khas) (Pindaan) 2013 – Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Peraturan ini dipetik daripada Warta Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan Jadual Pertama [Subperaturan 2(1)] FI Lesen (Memburu hidupan liar yang dilindungi dengan cara menembak) akan dikenakan tindakan denda sebanyak RM10 seekor, jika menembak ayam hutan, spesies; *Gallus gallus* di bawah famili; *Phasianidae*. Perkara ini bersangkut paut dengan perbincangan pada Analisis Tahap 2 seperti yang diuraikan sebelum ini. Dengan mengaitkan peraturan dan undang-undang negara, seseorang yang melanggar undang-undang tersebut akan dikenakan hukuman sehingga menyebabkan kelakuan jahat seseorang itu tidak mendatangkan hasil, malahan mendapat malu sahaja. Hal ini sangat berasosiasi dengan makna peribahasa ini.

Perlambangan bau najis atau tahi turut berkesinambungan dengan peribahasa ini kerana dapat dikaitkan dengan kelakuan kotor seseorang. Di Malaysia, ajaran Islam begitu sebat dengan masyarakat Melayu. Najis atau kotoran ayam yang terkena pada diri kita, mahupun di lantai dikenali sebagai najis ‘Ainiyah. Najis ini perlu dicuci sehingga hilang bau, warna dan rasa (Majelis 2010). Cara untuk membersihkannya adalah dengan mengalirkan air bersih pada tempat yang terkena najis dan dikeringkan serta tempat terkena najis tersebut sudah suci daripada kotoran najis ayam (Majelis 2010). Menurut Pilah (2016) pula, najis ayam yang berlebihan akan menyebabkan pencemaran ammonia sehingga mampu mencemarkan aliran air sungai. Jika diminum atau digunakan secara terus oleh manusia akan menyebabkan kesan sampingan seperti cirit-birit, kegatalan kulit serta gangguan pernafasan.

Jawapan terhadap penciptaan peribahasa ini telah dijawab secara pembuktian saintifik oleh pengkaji terkini. Oleh sebab masyarakat Melayu bersahabat baik dengan alam, mereka berupaya mengasosiasikan kejadian sebegini dengan penciptaan peribahasa. Menurut Fatimah (2003), masyarakat Melayu menggunakan pengalaman dan pengamatan yang tinggi melalui pancainderanya seperti deria mendengar, sentuhan, rasa mahupun bau yang mencerap apa yang berlaku di sekeliling mereka kemudiannya diluahkan melalui peribahasa.

### **Domain Khianat Dalam Peribahasa Melayu Berunsurkan Ayam**

Domain khianat merujuk kepada sikap atau kelakuan manusia yang menganiayai seseorang demi kepentingan peribadi mereka seperti sikap belot, tidak setia dan sebagainya. Peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan leksikal ayam ini mencatatkan pecahan domain kelima yang tertinggi. Berdasarkan dapatan kajian

ini, terdapat 9 (10.0%) peribahasa Melayu berasosiasi dengan leksikal ayam yang dapat dikelaskan dalam domain khianat. Berikut merupakan contoh peribahasa Melayu yang dikelaskan dalam domain khianat seperti yang terdapat pada Jadual 5.

Jadual 5: Contoh peribahasa Melayu berasosiasi dengan ayam dikelaskan dalam domain khianat

Kod data	Peribahasa Melayu	Makna	Leksikal	Maklumat tambahan	Domain
B1.255/14	Ayam berlaga sekandang	Berkelahi dengan orang serumah	Ayam	Berlaga sekandang	Khianat
B1.298/17	Bagai ayam lepas bertaji	Seseorang mendapat kesusahan dan orang lain serba salah untuk menolongnya	Ayam	Lepas bertaji	Khianat
B1.2633/144	Mengepit induk ayam	Mengemukakan orang yang penakut dalam perundingan	Ayam	Mengepi induk	Khianat
B1.261/14 &15	Ayam hitam terbang malam bertali ijuk, bertambang tanduk hinggap di kebun rimbun	Kejahanan (perkara dan sebagainya) yang dilakukan di dalam sulit, sukar diketahui Tambang = pancang untuk mengikat tali ayam	Ayam hitam	Terbang malam bertali ijuk Bertambang tanduk hinggap di kebun rimbun	Khianat
B1.2823/153	Musang berbulu ayam	Orang jahat menyamar sebagai orang baik	Ayam	Musang berbulu	Khianat

### Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Jadual 5 menggambarkan peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan ayam dan dikelaskan dalam domain khianat. Secara harfiahnya, data peribahasa “ayam berlaga sekandang” membawa maksud pergaduhan dengan rakan serumah atas ketidakpuasan terhadap kelakuan mahupun sikap yang telah ditonjolkan oleh orang lain dalam satu rumah itu (Sapinah 2013). Perkara ini juga telah membawa kepada tingkah laku yang negatif dalam sesuatu ikatan persaudaraan.

## Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Pembuktian linguistik yang dikemukakan melalui data korpus telah menyerahkan lagi penggunaan peribahasa ini. Perkara ini dapat dikonsepsikan dalam petikan karya sastera yang bertajuk *Jubang* (1992) yang terdapat dalam ayat (iii).


(iii) Lalu diketuk kepala oleh Simpurai dan Pungga antara satu sama lain. Tiba-tiba keluar Pandir dari kamarnya yang turut berbahas. Siap mcmaki hamun kedua-duanya. Seperti \*\*\*ayam berlaga sekandang\*\*\* jadinya. Jubang menyabung tetapi kalah juga semuanya. Sebab yang bodoh sebodohnya mengambil tanpa izin sebiji mangga.

Data korpus yang dirujuk ini merupakan contoh penggunaan peribahasa dalam konteks penulisan teks sastera klasik. Konteks yang dibina berdasarkan teks sastera ini dapat diringkaskan dengan pergaduhan antara teman serumah iaitu Simpurai, Pungga dan Pandir yang masing-masingnya tidak mahu mengalah. Pergaduhan dimulakan dengan Simpurai dan Pungga saling mengetuk kepala antara satu sama lain. Oleh sebab berlakunya kekecohan di rumah tersebut, Pandir terus mengeruhkan lagi keadaan dengan memaki hamun Simpurai dan Pungga. Kesan kognitif yang diusahakan oleh pembaca atau pendengar berdasarkan konteks yang dibina melalui petikan ini ialah kemungkinan Pandir sedang berehat dalam biliknya, namun akibat kekecohan yang berlaku di rumahnya itu membuatkan dirinya naik angin. Walau bagaimanapun, berdasarkan karya sastera ini terdapat watak Jubang yang dapat mengawal pergaduhan antara Simpurai, Pungga dan Pandir. Ayat (iii) ini telah merendahkan usaha memproses pembaca dan pendengar kerana menyatakan sebab pergaduhan mereka. Pergaduhan ini disebabkan oleh sebiji buah mangga yang telah dimakan tanpa meminta kebenaran tuannya.

Penggunaan peribahasa ini telah menunjukkan bahawa pembaca mahupun pendengar mampu memahami konsep analogi keadaan dalam sekandang haiwan yang mempunyai pelbagai ragam. Dalam situasi ayat (iii), konsep “berlaga” merujuk kepada bersabung bagi (ayam, lembu dan sebagainya) dan berkelahi ataupun, bergaduh bagi manusia (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2016). Situasi tersebut menggambarkan kehidupan dalam satu rumah yang masing-masingnya mempunyai ego yang tersendiri sehingga boleh membawa kepada pergaduhan yang besar. Berdasarkan huraian RRS ini, usaha memproses pendengar dan pembaca direndahkan kerana mampu mengaitkan emosi kemarahan dan rasa dikhianati

berdasarkan frasa “diketuk kepala”, “turut berbahas”, “memaki hamun” serta “mengambil tanpa izin”. Frasa tersebut sebagai premis tambahan yang berhasil dirujuksilangkan oleh pembaca atau pendengar, punca berlakunya pergaduhan antara Simpurai, Pungga dan Pandir. Dalam masa yang sama ia dapat membantu pembaca menginterpretasikan makna peribahasa tersebut secara tersirat tanpa bergantung pada makna skrip atau makna harfiah peribahasa tersebut.

Berdasarkan Rajah 7, penutur, pembaca atau pendengar memotivasi kognitif peribahasa ini dengan menunjukkan imej perlambangan yang tersendiri dalam masyarakat Melayu pada zaman dahulu.



Rajah 7: Gambaran proses kognitif peribahasa Melayu “Bagai ayam berlaga sekandang”.

Leksikal “kandang” telah diasosiasikan dengan kehidupan sesebuah rumah yang didiami oleh pelbagai jenis macam perangai. Merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), kandang merujuk kepada ruang mahupun tempat yang berpagar bagi mengepung haiwan ternakan (ayam, kambing, kuda dan lembu) supaya haiwan ternakan itu tidak lari ataupun terlepas.

Bagi Julaina, Nor Hashimah dan Junaini (2018), proses memahami peribahasa melalui bahasa dan penggunaannya, kemahiran meneroka alam sekeliling sangat diperlukan bagi masyarakat kini bagi memastikan pengucapan difahami penutur dan pendengar haruslah memahami latar masyarakatnya juga. Analogi peribahasa ini dapat menggambarkan masyarakat Melayu pada zaman dahulu meluahkan

perasaan atau unsur khianat yang terjadi dalam diri seseorang mahupun orang sekelilingnya melalui ayam di reban sebagai imej perlambangannya. Pengaruh unsur atau sikap ayam yang hidup dalam reban telah dijelmakan dengan penciptaan peribahasa ini. Pengungkapan peribahasa secara tersurat mempunyai pengungkapan yang tersirat di sebaliknya (Julaina, Nor Hashimah dan Junaini 2018). Terdapat proses kognitif yang berlaku dalam pemikiran masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam memotivasikan penciptaan peribahasa “ayam berlaga sekandang” ini.

### **Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Walaupun huraian kognitif dapat menonjolkan jawapan cara masyarakat Melayu pada zaman dahulu mengabstraksikan sesuatu imej yang konkret kepada penggunaan bahasa yang bersifat abstrak. Tetapi, satu persoalan yang timbul ialah mengapakah masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan kombinasi imej “ayam” dan “sekandang” bagi menggambarkan konsep khianat? Kenapa pula mereka tidak menggunakan imej haiwan yang lain contohnya, itik, angsa mahupun bangau? Di sinilah diterapkan konsep “kenapa, kenapa dan kenapa” yang digagaskan oleh Nor Hashimah (2014a) iaitu melalui pendekatan semantik inkuisitif.

Pertama, ayam merupakan salah satu haiwan yang digunakan sebagai sukan berdarah atau dikenali sebagai sabung ayam ataupun laga ayam. Oleh sebab adanya aktiviti melagakan ayam inilah timbulnya ketajaman akal budi masyarakat Melayu dengan mengaitkan kelakuan suka bergaduh atau berkelahi antara satu sama lain. Aktiviti sabung ayam memerlukan dua ekor ayam jantan yang akan beradu dalam kandang atau arena yang dikenali sebagai bon (Charles 2008). Oleh sebab sabung ayam ini merupakan salah satu sukan, sudah tentulah melibatkan kalah dan menang. Untuk memenangi sukan ini, pelaga ayam memerlukan baka ayam yang terbaik supaya mempunyai kekuatan dan stamina semasa perlawanan sabung ayam tersebut.

Ikhwan (2010) pula telah menyenaraikan jenis-jenis ayam laga yang sering digunakan dalam sukan sabung ayam seperti Ayam Hujung Tanduk, Ayam Taji Asal dan Ayam Batang Kaki. Di samping itu, ayam sabung ini telah dilatih supaya sanggup berlawan sehingga mati. Namun begitu, sukan sabung ayam ini telah diharamkan di beberapa negara seperti Brazil, Amerika Syarikat dan Australia. Kebanyakan negara di Eropah pula mengharamkan aktiviti ini kerana aktivis hak kebajikan haiwan membanteras perlawanan haiwan tersebut yang menyebabkan kecederaan fizikal dan trauma terhadap ayam yang dilakukan itu (Akrim et al. 2015).

Perkaitan akal budi Melayu dengan peribahasa ini dikaitkan dengan sukan laga ayam kerana sukan ini dapat meninggalkan kesan cedera seperti luka dan lebih malangnya lagi menyebabkan kematian ayam tersebut. Begitulah dianalogikan dengan pergaduhan sesama manusia yang bukan sahaja meninggalkan kesan luka, lebam dan sebagainya, tetapi turut membuatkan hubungan sesama manusia boleh terputus. Oleh itu, masyarakat Melayu pada zaman dahulu telah memberi teguran supaya menjaga silaturahim antara satu sama lain, terutama bagi yang beragama Islam kerana telah disebut dalam al-Quran seperti Muhammad: 22–23, An-Nisa': 1, Bukhari: 5991 dan Abu Daud: 4902 yang meminta umat Islam menjauhkan diri daripada persengketaan dan memutuskan silaturahim.

Mengapa pula dikaitkan dengan konsep khianat? Sabung ayam merupakan salah satu perlawanan menggunakan haiwan iaitu ayam dan telah diharamkan di banyak negara. Khianat di sini bermaksud melakukan perbuatan jahat bagi tujuan menganiaya atau mendatangkan kemudaratan kepada benda lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2016). Dalam konteks penciptaan peribahasa ini, imej perlambangan ayam dikonsepsikan dengan domain khianat kerana ayam itu sendiri yang dipaksa bertarung untuk tuannya bagi mendapatkan wang jika memenangi pertandingan tersebut. Laporan akhbar *Utusan Borneo (Sarawak)* (2018) mendapati berlakunya unsur khianat disebabkan sabung ayam. Seorang lelaki telah mengadu kepada pihak berkuasa berlakunya aktiviti sabung ayam di kawasan perkampungan Miri, Sarawak. Oleh sebab berang dengan aduan tersebut, sekumpulan lelaki (enam lelaki dan seorang warga emas) yang terlibat dalam aktiviti tersebut telah bertindak merosakkan dua kereta dan melakukan ugutan jenayah terhadap pengadu terbabit. Sekumpulan lelaki itu telah didakwa mengikut Peraturan 3(1) Langkah-Langkah Pencegahan Penganiayaan Terhadap Binatang Pelihara (Ayam Sabung) 1952.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, masyarakat Melayu itu sendiri sememangnya bijak mengasimilasikan kejadian alam sekeliling mereka dengan sikap dan kelakuan manusia secara berkias. Ungkapan peribahasa Melayu ini juga merupakan senjata dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam memberikan peringatan, nasihat, sindiran serta pedoman hidup secara implisit malahan, masih dapat diguna pakai sehingga kini. Teknik yang diaplikasikan dalam penciptaan peribahasa Melayu ini melibatkan unsur metafora, kiasan, ibarat serta perlambangan yang diperoleh daripada persekitaran sekeliling mereka.

Terciptanya peribahasa seperti ini bermula daripada fenomena sebenar yang diasosiasikan daripada pengalaman hidup masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh itu, ia secara tidak langsung telah mencerminkan sesuatu ungkapan berimplisit yang dapat diinterpretasikan daripada alam sekeliling yang sarat dengan makna, nilai dan falsafah sehingga dapat mencerminkan akal budi mereka sendiri. Perlambangan unsur fauna dalam peribahasa ini boleh merujuk kepada sikap positif maupun negatif kerana bergantung pada makna harfiah peribahasa tersebut. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja meneroka tingkah laku peribahasa yang berasosiasi dengan ayam dari segi nilai atau domain yang khusus seperti hati-hati/teliti, khianat dan sia-sia, malah mampu menerobos ke peringkat yang tertinggi dalam pengkajian peribahasa Melayu kerana melibatkan pelbagai bidang seperti geografi, sejarah, etimologi, budaya, agama, sains, sosiologi dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana tugas semantik inkuisitif akan mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya.

## RUJUKAN

- Abdullah Hussain. 2016. *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmed Umar. 2017. A socio-semiotic analysis of gender relations in Hausa proverbs. *Journal of Cognitive Science* 18(3): 237–254.
- Akrim, F., M. Awan, T. Mahmood, M. Anjum, S. Qasim, J. Khalid and S. Andleeb. 2015. Threats to red junglefowl (*gallus gallus murghi*) in Deva Vatala National Park, District Bhimber, Azad Jammu and Kashmir, Pakistan. *Annual Research & Review in Biology* 6(1): 59–65.
- Amirah Ahmad and Rozaimah Rashidin. 2011. Terjemahan ‘air’ dalam peribahasa Melayu-Inggeris: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Linguistik* 13(6): 1–12.
- Amira Razlan. 2013. Perbandingan pentafsiran leksikal haiwan dalam peribahasa Melayu, dengan peribahasa Cina dan Tamil. Master’s diss., Universiti Putra Malaysia.
- Awang Asbol Haji Mail. 2015. Imej telur dan ayam dalam masyarakat Melayu Brunei: Hubungannya dengan folklor dan sejarah. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah* 3(1): 19–30.
- Brisbin, I.L. and A.T. Peterson. 2007. Playing chicken with red junglefowl: Identifying phenotypic markers of genetic purity. *Gallus gallus. Anim Conserv* 10(4): 429–435.
- Charles, S. 2008. *Cockfighting illegal, but not gone: Defence of animals*. Washington: AU Presses.
- Charteris-Black, J. 2000. Figuration, lexis and cultural resonance. *Pragmatics*. 10(3): 281–300.
- Ciardelli, I., J. Groenendijk and F. Roelofsen. 2012. *Inquisitive semantics*. Oxford: University Press.

- Fatimah Busu. 2003. *Memupuk bakat & minat penulisan kreatif: Teori dan proses*. Bentong: PTS Publications & Distributor.
- Hishamudin Isam and Mashetoh Abd Mutualib. 2015. Memahami pemikiran Melayu melalui pembingkaikan makna leksis darah dalam peribahasa. *Jurnal Melayu* 14(2): 190–201.
- Imran Ho-Abdullah. 2011. Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*canis familiaris*). *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 11(1): 125–141.
- Ikhsan, M.H. 2010. Sabah & Sarawak: Jaja ayam sabung. *Berita Harian*, 30 November.
- Indirawati Zahid. 1995. Semantik leksikal dalam peribahasa Melayu. Master's diss., Universiti Malaya.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan. 2017a. Refleksi dualisme 'Durian-Timun' dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik* 21(2): 1–14.
- \_\_\_\_\_. 2017b. Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 10(1): 66–88.
- \_\_\_\_\_. 2018. Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 34(1): 185–201.
- Jumingen, M.F. 2006. Penterjemahan atau penterjemahan: Satu analisis korpus data berkomputer. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 14(1): 43–49.
- Junaini Kasdan and Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. Paper presented at the Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur. Kuala Lumpur, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin and Wan Nurasilin Wan Ismail. 2016. Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(1): 31–41.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kearns, K. 2011. *Semantics*. New York: Palgrave Macmillan.
- Kempson, R.M. 1986. Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In *Meaning and interpretation*, eds. C. Travis, 135–154. Oxford: Basil Blackwell.
- Kridalaksana, H. 2012. *Glosari leksikal bahasa sukuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liang, W., Y. Cai and C.C. Yang. 2013. Extreme levels of hunting of birds in a remote village of Hainan Island, China. *Bird Conserv Intl* 23(1): 45–52.
- Liamputtong, P. 2014. *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Linnæus, C. 1758. *Systema naturæ per regna tria naturæ, secundum classes, ordines, genera, species, cum characteribus, differentiis, synonymis, locis*. Holmiæ: Salvius.
- Mahani Musa. 2003. *Kongsi gelap Melayu di negeri-negeri utara pantai barat Semenanjung Tanah Melayu, 1821 hingga 1940-an*. Michigan: Branch of the Royal Asiatic Society.

- Mahyuddin Abu Bakar. 2000. Taklid kepada mazhab Syafie dalam amalan berkaitan zakat padi menurut undang-undang zakat Negeri Kedah. Master's diss., Universiti Malaya.
- Majelis Ta'lim As Sakinah. 2010. Jenis najis dan cara mensucikannya. <https://www.facebook.com/notes/majelis-talim-as-sakinah/jenis-najis-dan-cara-mensucikannya/384009119300/> (accessed 19 May 2018).
- Mary Fatimah Subet and Mohd Ridzuan Md Nasir. 2019. Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 16(2): 227–253.
- Mary Fatimah Subet and Muhammad Zaid Daud. 2016. “Giler” atau “Gile”: Slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa* 16(2): 293–306.
- \_\_\_\_\_. 2017. Semantik dan makna konotasi dalam slanga pelacur. Paper presented at the International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel), Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2018. Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)* 3(1): 29–49.
- McEnery, T. and T. Wilson. 1996. *Corpus linguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Mohd. Tajuddin Haji Abdul Rahman. 2017. *Kamus peribahasa Melayu untuk pelajar*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Muhammad Zaid Daud. 2017. Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif. Undergraduate diss., Universiti Malaysia Sarawak.
- \_\_\_\_\_. 2018a. Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)* 3(1): 19–28.
- \_\_\_\_\_. 2018b. *Gallus gallus domesticus* dan *Paradoxurus hermaphroditus* dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika* 10(2): 41–51.
- \_\_\_\_\_. 2018c. Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)* 3(3): 43–52.
- \_\_\_\_\_. 2020. Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif. Master's diss., Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Zaid Daud and Mary Fatimah Subet. 2019a. Ayam (*gallus gallus domesticus*) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan* 17(1): 36–42.
- \_\_\_\_\_. 2019b. “Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik”: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia* 2(1): 37–62.
- \_\_\_\_\_. 2019c. *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). 17–18 October.
- \_\_\_\_\_. 2019d. Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajaran Melayu* 30(1): 108–136.
- \_\_\_\_\_. 2021. Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies* 10(1): 110–130.

- Muhammad Zaid Daud, Nurul Aida Abdullah and Mary Fatimah Subet. 2021. Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies* 10(2): 24–44.
- Muhammad Zaid Daud, Nurfatim Hanani Wahap and Muhammad Nurikhwan Lokman. 2018. Analisis semiotik peribahasa Banjar bersumberkan ular (*Serpentes*). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)* 3(2): 1–7.
- Muksin, B. 2012. Ciri-ciri ayam bertelur dan ayam tidak bertelur pada ayam petelur atau ayam breeder layer. *PENTERNAKAN* 10(1): 28–37.
- Munir Ali. 1989. *Kajian kesusasteraan Melayu klasik*. Selangor: Flo Enterprise Sdn. Bhd.
- Murthy, T., Mary Fatimah Subet and Muhammad Zaid Daud. 2019a. Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika* 11(1): 73–80.
- \_\_\_\_\_. 2019b. Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)* 3(2): 117–129.
- \_\_\_\_\_. 2019c. Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)* 7(2): 70–88.
- Naladhipa, A. 2017. Pengertian, ciri, klasifikasi, dan contoh kingdom animalia: Web log post. <http://www.alulanaladhipa.com/2017/08/kingdom-animalia.html> (accessed August 2018).
- Norasiah Yunus. 2013. Analisis leksikologi penggunaan peribahasa dalam Al-Mu‘jam Al-Wasiṭ. Master’s diss., University of Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014a. *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2014b. Pemugaran penyelidikan untuk pemerkasaan bahasa: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. [http://eseminar.dbp.gov.my/ceramahnj/kertas\\_kerja\\_norha\\_shimah\\_jalaluddin](http://eseminar.dbp.gov.my/ceramahnj/kertas_kerja_norha_shimah_jalaluddin) (accessed August 2015).
- \_\_\_\_\_. 2015. Peribahasa ‘Parasit’ dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. Paper presented at the Seminar Bahasa dan Sastera 2015. Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2018. Perihal parasit, periuk belanga dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. In *Semantik dan interpretasi*, eds. N.H. Jalaluddin, 48–72. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Afiqah Wan Mansor and Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pertanika Mahawangsa* 2(1): 1–16.
- \_\_\_\_\_. 2016. Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 32(1): 311–334.
- Nurul Aida Abdullah and Muhammad Zaid Daud. 2020. Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus: Analisis pragmatik. *LSP International Journal* 7(1): 61–79.
- Peirce, C.S. 1965. *Collected papers: 1. Vol. 1, Vol. 2*. Cambridge (Massachusetts): The Belknap Press of Harvard University Press.
- Pilah, K. 2016. Garis panduan merawat dan mengurus buangan najis ayam bakal dikeluarkan di Sabah. *Research Journal* 10(1): 34–51.

- Rahman, N.A. 2016. Ayam terlepas, tangan bau tahi. *MyMetro Online*, 24 September. <https://www.hmetro.com.my/node/168952> (accessed 27 August 2020).
- Ronsi, G. 2011. Citra perempuan dalam peribahasa Minangkabau. *Jurnal Elektronik Wacana Etnik* 2(1): 39–58.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali and Mohd. Rasdi Saamah. 2013. Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 13(1): 83–98.
- Salleh, I. 2010. Sabung ayam. [http://www.mykedah2.com/10heritage/105\\_7.html](http://www.mykedah2.com/10heritage/105_7.html) (accessed August 2018).
- Sapinah Haji Said. 2013. *Kamus peribahasa Melayu*. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi.
- Setianto, J. 2013. Potensi dan strategi pengembangan ayam burgo. Paper presented at the Prosiding Seminar Nasional Peternakan: Potensi Sumber Daya Ternak Lokal Untuk Membangun Kemandirian Pangan Hewani dan Kesejahteraan Masyarakat, Padang, Indonesia.
- Setianto, J., H. Prakosos and A. Sutriyono. 2015. Domestikasi ayam hutan merah: Studi kasus penangkapan ayam hutan merah oleh masyarakat di Bengkulu Utara. *Pros Sem Nas Masy Biodiv Indon* 1(2): 207–212.
- Shuyang, S. 2017. Characteristics of the expressions of causality in Russian proverb. *RUDN Journal of Language Studies, Semiotics and Semantics* 9(3): 672–681.
- Suriati Zakaria and Nor Hashimah Jalaluddin. 2016. Konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 16(1): 197–204.
- Suzieyiana Ritos and Muhammad Zaid Daud. 2020. Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal* 3(1): 64–83.
- Utusan Borneo (Sarawak)*. 2018. Lelaki mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan lakukan khianat. 15 June.
- Wan Norasikin Wan Ismail. 2016. Haiwan dalam peribahasa Melayu: Analisis semiotik. Master's diss., Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaid Mohd Zin and Wan Suhaila Wan Idris. 2017. Kajian persamaan makna peribahasa Melayu dan peribahasa Jepun. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun* 7(1): 19–33.

